

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**www.ijepec.com**ANALISIS TAHAP KECERDASAN ROHANIAH BELIA
BERDASARKAN FAKTOR DEMOGRAFI****ANALYSIS OF SPIRITUAL INTELLIGENCE LEVEL AMONG YOUTH BASED ON
DEMOGRAPHIC FACTORS**Nor Hanim Elias^{1*}, Selamah Maamor², Muhamad Abrar Bahaman³

- ¹ Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia
Email: norhanim@kuips.edu.my
- ² Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: selamahm@uum.edu.my
- ³ Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: muhamadabrar@uum.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 18.07.2024

Revised date: 10.08.2024

Accepted date: 19.09.2024

Published date: 30.09.2024

To cite this document:

Elias, N. H., Maamor, S., & Bahaman, M. A. (2024). Analisis Tahap Kecerdasan Rohaniah Belia Berdasarkan Faktor Demografi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (55), 638-651.

DOI: 10.35631/IJEPC.955043.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Kecerdasan rohaniah berperanan dalam menentukan hala tuju kehidupan belia disamping sebagai pegangan hidup dalam melaksanakan apa yang diperintahkan Allah SWT dan menjadi benteng dari melakukan perkara yang dilarang. Pada zaman yang kian membangun ini, dilihat masalah sosial dalam kalangan belia terutamanya pada peringkat belia remaja semakin meruncing sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Hasil penelitian daripada kajian-kajian lepas mendapati bahawa kecerdasan rohaniah terhadap belia telah dilakukan pada pelbagai tingkat demografi. Hasil dapatan kajian lepas menunjukkan wujud perbezaan berdasarkan faktor-faktor demografi contohnya belia yang bersekolah aliran agama mempunyai tahap kecerdasan rohaniah lebih tinggi berbanding belia bersekolah aliran biasa. Justeru, kajian ini dijalankan secara empirikal untuk melihat perbezaan tahap kecerdasan rohaniah belia berdasarkan faktor-faktor demografi. Responden kajian ini ialah belia yang telah mengikuti Program Latihan Khidmat Negara pada sesi 1 tahun 2017. Bancian ke atas seramai 641 responden telah dijalankan terhadap enam kem PLKN Zon Utara. Kajian berbentuk kuantitatif telah dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian. Seterusnya data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)*. Hasil kajian menunjukkan tahap kecerdasan rohaniah seseorang belia adalah berbeza berdasarkan ciri-ciri demografi tertentu iaitu

jantina, jenis sekolah menengah, kategori sekolah menengah, umur mula mengenali agama, umur mula belajar solat, dan juga lokasi tempat tinggal belia. Oleh itu, hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan sesuatu rancangan untuk meningkatkan kecerdasan rohaniah belia dengan mengambil kira ciri-ciri demografi yang mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan tahap kecerdasan rohaniah belia.

Kata Kunci:

Kecerdasan Rohaniah, Belia, Demografi, Perbezaan

Abstract:

Spiritual intelligence plays a role in determining the direction of youth life as well as a way of life in carrying out what Allah SWT has commanded and being a fortress from doing things that are forbidden. In this developing age, it is seen that social problems among the youth, especially at the level of adolescent youth, are getting worse, causing concern among the community. The results of previous studies found that the spiritual intelligence of youth has been done at various demographic levels. The results of previous studies show that there are differences based on demographic factors, for example, youths who attend religious schools have a higher level of spiritual intelligence than youths who attend regular schools. Thus, this study was conducted empirically to look at the differences in the level of spiritual intelligence of youth based on demographic factors. The respondents of this study are youths who have participated in the Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) in session 1 of 2017. A census of 641 respondents was conducted on six PLKN camps in the Northern Zone. A quantitative study was conducted by distributing questionnaires as an instrument to obtain research data. Next, the data were analysed using descriptive statistics using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) software. The results show that the level of spiritual intelligence of a youth is different based on certain demographic characteristics such as gender, type of secondary school, secondary school category, age of beginning to know religion, age of beginning to learn prayer, and also the location of youth residence. Therefore, the results of this study can be used as a guide in implementing a plan to improve the spiritual intelligence of youth by taking into account the demographic characteristics that have significant differences based on the level of spiritual intelligence of youth.


Keywords:

Spiritual Intelligence, Youth, Demographic, Differences

Pengenalan

Statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) menunjukkan jumlah belia berumur 15- 30 tahun di Malaysia adalah seramai 8.79 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, jumlah belia lelaki adalah seramai 4.53 juta (51.54%) dan seramai 4.25 juta (48.46%) merupakan belia wanita (IYRES, 2023). Belia khususnya peringkat remaja merupakan zaman yang penuh dengan risiko hasil perubahan daripada aspek psikologi, biologi dan sosial. Perubahan ini, kadang kala memberikan cabaran dan tekanan kepada belia remaja yang kurang bersedia dengan kehadirannya. Mereka tidak berupaya menyesuaikan atau menerima dengan mudah perubahan tersebut. Kesan daripada tekanan dan ketegangan emosi, remaja menunjukkan sikap yang agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal dan terlibat dalam pelbagai permasalahan kerohanian.

Berdasarkan laporan rasmi oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia mengenai penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks di Malaysia dari tahun 2016 hingga Disember 2022, didapati bahawa bilangan kes jenayah juvana menunjukkan tren yang tidak konsisten, dengan variasi yang ketara mengikut kategori jenayah, jenis kesalahan, jantina, etnik, dan umur pesalah juvana. Rajah 1 memperincikan tren statistik jenayah juvana tersebut.



Rajah 1: Statistik Penglibatan dan Tangkapan Juvana dalam Jenayah Indeks Malaysia bagi Tahun 2016 hingga Disember 2022

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Merujuk kepada Rajah 1, statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks Malaysia dari tahun 2016 hingga Disember 2022 berdasarkan tren tahunan menunjukkan jumlah kes juvana tertinggi berlaku pada tahun 2017 dengan 8,560 kes. Namun, terdapat penurunan pada tahun 2018 dan 2019, masing-masing dengan 6,813 dan 6,713 kes. Manakala pada tahun 2020, terdapat penurunan ketara kepada 2,145 kes, yang berterusan sehingga tahun 2022 dengan jumlah 1,656 kes.

Berdasarkan jantina statistik menunjukkan jantina lelaki merupakan majoriti pelaku juvana, iaitu sebanyak 95% (34,248 kes), manakala perempuan hanya menyumbang 5% (1,759 kes). Bagi kategori umur golongan juvana yang terlibat paling banyak adalah dalam lingkungan umur 16-18 tahun, dengan 24,635 kes. Manakala kategori umur 13-15 tahun mencatatkan 9,508 kes, manakala kategori umur yang lebih muda (7-10 tahun dan 11-12 tahun) mencatatkan jumlah kes yang lebih rendah, iaitu masing-masing 144 dan 693 kes.

Seterusnya, statistik pelaku juvana paling ramai terdiri daripada kaum Melayu (23,659 kes), diikuti oleh India (5,033 kes), Sabah & Sarawak (2,821 kes), Cina (2,017 kes), dan kaum-kaum lain seperti Asli dan lain-lain bangsa yang mencatat jumlah yang kecil. Rajah ini menunjukkan bahawa jenayah juvana dalam tempoh 2016 hingga 2022 mengalami tren yang tidak stabil. Statistik ini juga membuktikan jumlah pelaku juvana paling tinggi datang daripada golongan umur 16-18 tahun dan majoriti pelaku adalah daripada kaum Melayu.

Keadaan ini terjadi kerana belia mengalami satu peringkat peralihan zaman kanak-kanak kepada remaja pada tempoh ini dan akan berlakunya perkembangan kecerdasan rohaniah, kecerdasan fizikal dan mental (Anuar Puteh 2001). Peringkat remaja juga merupakan zaman pemberontakan jiwa dan suka melakukan perkara yang baru. Menurut Fariza (2015), definisi remaja daripada perspektif Islam adalah sudah cukup umur atau baligh dan golongan ini sering berlaku masalah dan konflik sebab itulah punca berlakunya perubahan daripada segi tekanan emosi dan ketegangan jiwa.

Pembangunan belia yang holistik meliputi pembangunan akhlak, rohani, sosial, ekonomi, politik, pendidikan, budaya, perundangan, dan sebagainya. Pelbagai usaha telah dilaksanakan ke arah pembangunan belia demi memupuk nilai budaya kehidupan yang positif dan membentuk masa depan Malaysia yang cemerlang. Namun begitu, pada zaman yang kian membangun ini, dilihat masalah sosial dalam kalangan belia terutamanya pada peringkat belia remaja semakin meruncing sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Laporan statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat 37.5 peratus pada 2021 berbanding tahun sebelumnya. Malah, Disember 2019 turut mencatatkan kes penangkapan empat remaja bawah umur yang dihadapkan di Mahkamah Majistret Temerloh atas pertuduhan berasingan membabitkan kes jenayah seksual (Harian Metro, 2023).

Belia yang sering terdedah dengan pelbagai permasalahan kerohanian menyebabkan mereka mudah terjerumus ke dalam aktiviti kurang sihat sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam persekitaran kehidupan mereka. Dari 1 Januari hingga 15 Oktober 2018, sejumlah 2,317 belia di negeri Pulau Pinang telah dikesan terlibat dengan kegiatan jenayah. Daripada jumlah tersebut, jenayah melibatkan kekerasan tertinggi yang direkodkan adalah samun berkawan tanpa senjata api iaitu sejumlah 338 orang (Utusan Online, 2018). Keadaan ini menunjukkan bahawa penglibatan remaja dalam isu-isu dan permasalahan kerohanian adalah semakin serius.

Kegagalan dalam menyesuaikan dan mengimbangi diri dengan sebarang perubahan yang dialami menyebabkan berlaku ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja disebabkan kecerdasan rohaniah remaja yang lemah tidak mampu menjadi benteng untuk menahan diri daripada melakukan sesuatu yang bertentangan daripada segi norma sosial. Dengan melihat kepada permasalahan yang wujud berdasarkan isu sosial yang telah dilaporkan menunjukkan wujudnya perbezaan kecerdasan rohaniah belia antaranya berdasarkan umur, jantina, tempat tinggal dan status pendidikan. Oleh yang demikian artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tahap kecerdasan rohaniah belia berdasarkan ciri-ciri demografi belia merangkumi jantina, jenis sek rendah, kategori sekolah rendah, jenis sekolah menengah, kategori sekolah menengah, umur kenal agama, umur belajar solat, lokasi tempat tinggal, penjaga/waris dan pekerjaan penjaga/waris belia.

Sorotan Kajian

Kajian ini memasukkan aspek ciri-ciri demografi iaitu umur, pendidikan dan lokasi tempat tinggal untuk diuji sama ada ia mempunyai pengaruh dengan kecerdasan rohaniah. Tutasting@Rawi, Hassan dan Abdul Hadi (2002) dalam kajiannya mendapati majoriti golongan belia di bandar lebih ramai mengikuti program keagamaan berbanding mereka yang tinggal di luar bandar.

Namun sebaliknya berbeza dengan kajian oleh Nurwahidah *et al.* (2013) yang mendapati pelajar dari luar bandar lebih berpersonaliti psiko-spiritual dari aspek ibadah, amanah dan ilmu berbanding pelajar di bandar. Profil personaliti psiko-spiritual menunjukkan pelajar luar bandar lebih tinggi dalam semua skor min berbanding pelajar bandar. Skor min paling tinggi bagi pelajar luar bandar adalah ciri-ciri amanah (72.55), diikuti ilmu (54.85), dan ibadah (51.21).

Sementara itu, bagi jenis sekolah pula, kajian daripada Nurwahidah *et al.* (2013) turut mendapati pelajar sekolah agama lebih mempunyai ciri-ciri personaliti psiko-spiritual berbanding pelajar sekolah sains dan teknikal. Skor min paling tinggi bagi pelajar aliran agama adalah ciri amanah (72.75), diikuti ilmu (54.12), dan ibadah (51.40). Kajian mereka juga turut membuktikan bahawa pelajar sekolah asrama lebih berpersonaliti psiko-spiritual jika dibandingkan dengan pelajar sekolah harian. Skor min paling tinggi bagi pelajar sekolah berasrama adalah ciri amanah (73.39), diikuti ilmu (54.83), dan ibadah (52.12).

Ariffin dan Rahman (2009) telah menjalankan kajian bagi melihat perbezaan aspek persekitaran berdasarkan jantina terhadap pembangunan rohani pelajar. Hasil kajian mereka menunjukkan faktor persekitaran yang dikaji memberi kesan yang sama terhadap pembangunan rohani pelajar sama ada pelajar lelaki mahupun pelajar perempuan. Selari dengan kajian Said @ Saidi, Mustafa, dan Fatmawati (2015) yang menunjukkan tahap amalan antara pelajar lelaki dan perempuan adalah sama. Keputusan ujian-T kajian mereka juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan amalan kerohanian antara jantina.

Sebaliknya kajian oleh Nik Safiah, Selamah, dan Norazlina (2017) mendapati terdapat perbezaan tahap penyertaan belia Malaysia antara lelaki dan perempuan dalam program pembangunan kerohanian yang mana perempuan menunjukkan tahap penyertaan lebih tinggi berbanding lelaki. Selain itu, kajian mereka juga turut membuktikan dari aspek latar belakang pendidikan belia, tahap penyertaannya dalam program pembangunan kerohanian berbeza pada aras signifikan 0.05 di kalangan belia Malaysia.

Keputusan kajian mereka menunjukkan perbezaan min yang paling tinggi untuk tahap penyertaan belia bagi kategori sekolah rendah adalah antara sekolah agama dan belajar sendiri. Manakala perbezaan min yang paling tinggi bagi kategori sekolah menengah pula adalah sekolah agama. Selari dengan kajian Said @ Saidi *et al.* (2015), turut menunjukkan skor min amalan kerohanian bagi kumpulan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama lebih tinggi berbanding dengan kumpulan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan, kumpulan Pelajar Sekolah Menengah Teknik dan Lain- Lain Sekolah.

Bagi kajian luar negara pula terhadap pelajar sekolah telah dijalankan oleh Shabani *et al.* (2010) untuk melihat hubungan di antara kecerdasan rohaniah dan kecerdasan emosi dengan tahap kesihatan mental 247 orang pelajar-pelajar sekolah menengah berumur di antara 14 hingga 18 tahun, di utara Iran. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa tahap kecerdasan rohaniah dan kecerdasan emosi merupakan peramal utama bagi tahap kesihatan mental pelajar.

Sementara tahap umur tidak mempengaruhi tahap kecerdasan rohaniah dan kecerdasan emosi bagi menentukan tahap kesihatan mental pelajar. Dapatan kajian mereka juga mendapati bahawa kecerdasan rohaniah dan kecerdasan emosi adalah penting dan perlu diperkenalkan di sekolah-sekolah bagi memastikan tahap kesihatan mental pelajar sentiasa baik. Hasil kajian

mereka juga didapati selari dengan kajian-kajian terdahulu yang dijalankan oleh (Emmons, 2000; Zohar & Marshal, 2000).

Hal ini menunjukkan para penyelidik Barat turut memperakui kepentingan kajian kerohanian. Kajian lain oleh Revel (2008) di Boston dan Chicago membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk menerapkan nilai kerohanian dalam pembelajaran di sekolah sebagai salah satu tindakan membendung gejala negatif kesan dari proses kemajuan dan pemodenan masyarakat. Selain itu, kajian oleh Daniliuk *et al.* (2010) mendapati sekolah baru di Rusia perlu melaksanakan aspek kerohanian dalam pembangunan personaliti warga Rusia. Di dalam piagam umum pendidikan Rusia, kerohanian merupakan kunci utama pendidikan. Teori-teori pendidikan perlu diterapkan peranan kerohanian sebagai faktor utama dalam proses pendidikan (Campbell, 2010).

Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kajian kuantitatif menurut *Statistical Clearing House* (2000) boleh menghasilkan keputusan yang cepat dengan kos yang jauh lebih rendah berbanding kajian kualitatif. Kajian ini adalah berbentuk kajian keratan rentas (*cross sectional*), di mana data dikumpul menggunakan kaedah tinjauan *census survey* yang menghendaki responden menjawab borang soal selidik. *Survey* dibahagikan kepada *census survey* dan *sample survey*. Jika sesuatu tinjauan melibatkan keseluruhan populasi ia dikategorikan sebagai *census survey*. Manakala *sample survey* sering digunakan oleh ramai pengkaji tetapi *census survey* adalah terlalu kurang dijumpai. Salah satu sebab *census survey* tidak dilakukan ialah kerana masalah kos yang tinggi dan mengambil tempoh yang lama (Norhayanti Octavia Ahmad & Amirmudin Udin, 2011)

Populasi kajian ini adalah golongan belia remaja Muslim yang telah tamat pengajian di peringkat sekolah menengah iaitu belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2016, berumur lingkungan 17-18 tahun. Selain itu, mereka juga yang telah dipilih untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Kumpulan 1 Siri 14/2017 pada 18 Mac hingga 16 Mei 2017 peringkat Zon Utara. Pusat Latihan Khidmat Negara yang terlibat adalah PLKN Guar Chenderai, PLKN UUM Sintok, PLKN Dusun Resort Kuala Nerang, PLKN Kulim dan PLKN White Resort, Balik Pulau.

Bagi tujuan kajian ini, instrumen kajian ini telah di uji dan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti kewujudan perbezaan tahap kecerdasan rohaniyah belia berdasarkan ciri-ciri demografi belia. Konstruk demografi dalam kajian ini merangkumi jantina, umur, jenis sekolah rendah, kategori sekolah rendah, jenis sekolah menengah, kategori sekolah menengah, umur mula diperkenalkan dengan agama (Islam), umur mula belajar solat, negeri dibesarkan, lokasi tempat tinggal, penjaga, dan pekerjaan penjaga, serta aktiviti dan amalan kerohanian yang disertai belia. Bagi item jenis sekolah menengah dan lokasi tempat tinggal turut dijadikan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Kedua-dua pemboleh ubah tersebut menggunakan pemboleh ubah pepatung (*dummy variable*). Sebagai contoh untuk jenis sekolah menengah, sekolah menengah agama adalah (1) dan (0) selainnya. Manakala bagi lokasi tempat tinggal, lokasi luar bandar adalah (1), (0) adalah lokasi bandar.

Item-item bagi faktor pemboleh ubah ini diadaptasi daripada Buchanan (2009). Sebagai contoh faktor umur, apabila semakin tinggi umur seseorang belia maka semakin banyak ilmu dalam bidang kerohanian dan juga semakin banyak aktiviti kerohanian yang diikuti seterusnya semakin banyak amal yang dilakukan. Justeru dengan peningkatan umur yang diisi dengan ilmu dan amalan kebaikan maka ini akan meningkatkan lagi tahap kecerdasan rohaniah seseorang. Menurut Emmons (2000) berdasarkan pandangannya dalam Teori Kecerdasan Rohaniah mengandaikan bahawa ianya akan semakin berkembang di sepanjang usia kerana ia boleh dipelajari serta ditingkatkan dari masa ke semasa. Sebanyak 641 borang soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian '*Statistical Package for the Social Science*' (SPSS) melalui analisis deskriptif.

Dapatan Kajian

Profil Umum Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan profil umum demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Bilangan responden mengikut kem yang terlibat dalam kajian ini adalah Kem PLKN Guar Chenderai di Negeri Perlis seramai 144 orang (22.5%), diikuti oleh Kem PLKN UUM Sintok Kedah seramai 140 orang (21.8%), Kem PLKN Balik Pulau, Pulau Pinang seramai 138 orang (21.5%) manakala Kem PLKN Dusun Resort Kedah seramai 128 orang (20.0%), dan Kem PLKN Kulim Kedah seramai 91 orang (14.2%).

Seterusnya, bilangan responden adalah hampir sama jumlah antara lelaki dan perempuan iaitu 322 orang lelaki (50.2%) manakala perempuan berjumlah 319 (49.8%). Semua responden kajian ini merupakan pelajar lepasan SPM tahun 2016 yang berumur 17 dan 18 tahun. Namun begitu, taburan data menunjukkan responden yang telah mencapai berumur 18 tahun (98.3%) lebih ramai berbanding dengan responden berumur 17 tahun iaitu hanya 1.7 peratus sahaja. Seterusnya, melihat kepada lokasi tempat tinggal, Jadual 1 menunjukkan responden yang berasal dari luar bandar (51.5%) lebih ramai berbanding mereka yang tinggal di bandar (48.5%).

Berdasarkan maklumat penjaga atau waris kepada responden pula didapati hampir semua responden tinggal bersama ibu dan bapa sendiri iaitu seramai 88.3 peratus dan diikuti responden yang tinggal bersama ibu atau bapa sahaja iaitu 7.8 peratus. Di samping itu, berdasarkan latar belakang pekerjaan penjaga responden pula kebanyakannya adalah bekerja di sektor kerajaan iaitu sebanyak 30 peratus dan mereka yang berniaga sendiri 26.1 peratus. Selain itu, pekerjaan penjaga responden juga termasuklah bekerja di sektor swasta, petani atau nelayan.

Jadual 1: Profil Umum Demografi Responden

Bil	Maklumat demografi	Ciri-ciri	Kekerapan	Peratus (%)
1	Kem	PLKN Guar Chenderai	144	22.5
		PLKN UUM Sintok	140	21.8
		PLKN Balik Pulau	138	21.5
		PLKN Dusun Resort	128	20.0
		PLKN Kulim	91	14.2
2	Jantina	Lelaki	322	50.2

		Perempuan	319	49.8
3	Umur	17 tahun	11	1.7
		18 tahun	630	98.3
4	Lokasi tempat tinggal	Luar Bandar	330	51.5
		Bandar	311	48.5
5	Penjaga	Ibu bapa sendiri	566	88.3
		Ibu atau bapa	50	7.8
		Datuk atau nenek	14	2.2
		Adik beradik	7	1.1
		Lain-lain	4	0.6
6	Pekerjaan penjaga	Kerajaan	192	30.0
		Berniaga	167	26.1
		Swasta	123	19.2
		Kerja sendiri	60	9.4
		Petani atau nelayan	57	8.9
		Tidak bekerja	42	6.6

*(N=641)

Perbezaan Kecerdasan Rohaniah Berdasarkan Ciri Demografi

Bahagian ini menjelaskan hasil dapatan kajian bagi mengenal pasti perbezaan kecerdasan rohaniah berdasarkan ciri-ciri demografi belia. Jadual 2 membincangkan terdapat perbezaan bagi tahap kecerdasan rohaniah berdasarkan ciri-ciri demografi jantina, jenis sekolah menengah, kategori sekolah, lokasi tempat tinggal, umur mula mengenali agama dan umur mula belajar solat.

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan terdapat perbezaan bagi tahap kecerdasan rohaniah di kalangan belia berdasarkan jantina. Dapatan menunjukkan belia perempuan mempunyai tahap kecerdasan rohaniah lebih tinggi berbanding lelaki dengan nilai min 4.270. Berdasarkan demografi persekolahan jenis sekolah rendah responden dapatan menunjukkan terdapat perbezaan antara Sek Keb, SJK dan Sek Agama. Tahap kecerdasan rohaniah responden yang bersekolah di SJK lebih tinggi iaitu 4.301 berbanding mereka yang bersekolah di Sek Keb (4.229) dan Sek Agama (4.291). Didapati terdapat juga perbezaan tahap kecerdasan rohaniah berdasarkan ciri kategori sekolah rendah iaitu responden yang tinggal di asrama mempunyai tinggi tahap kecerdasan rohaniah iaitu 4.250 berbanding responden yang bersekolah harian (4.233) juga dapat dilihat apabila dapatan kajian.

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan bagi tahap kecerdasan rohaniah belia berdasarkan jenis sekolah menengah. Dapatan menunjukkan belia yang bersekolah di sekolah menengah agama (SMA) mempunyai tahap kecerdasan rohaniah yang lebih tinggi (4.404) berbanding belia yang bersekolah di sekolah menengah kebangsaan (SMK) (4.215) dan sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) (4.377). Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Nur Wahidah, Nooraini, & Siti Norayu (2013) dan Sarimah *et.al* (2011) menunjukkan bahawa pelajar SMKA dan SMABK berada pada skor tertinggi dalam penghayatan akhlak berbanding dengan pelajar sekolah SMK dan SMT/V. Kajian Fauziah *et al.* (2012) juga mendapati bahawa semakin tinggi pengetahuan agama maka semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara.

Di samping itu, kajian juga menunjukkan perbezaan bagi tahap kecerdasan rohaniah antara belia yang tinggal di asrama dan yang tidak tinggal di asrama (sekolah harian). Belia yang tinggal di asrama mempunyai tahap kecerdasan rohaniah lebih tinggi (4.340) berbanding belia yang bersekolah harian (4.217). Ini selari dengan kajian yang dilaporkan oleh Nur Wahidah, Nooraini, & Siti Norayu (2013) mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan bagi trait-trait personaliti kestabilan spiritual dan emosi, sekolah asrama lebih mempunyai personaliti kestabilan spiritual dan emosi berbanding dengan sekolah harian.

Seterusnya berdasarkan umur mula mengenal agama dan umur mula belajar solat bermula dari umur antara 0-6 tahun, 7-9 tahun, 10-14 tahun, dan 15-18 tahun juga menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan terhadap kecerdasan rohaniah belia. Responden yang mula mengenal agama dan mula belajar solat bermula dari umur 0-6 tahun mempunyai tahap kecerdasan rohaniah yang lebih tinggi dengan skor min masing-masing 4.281 dan 4.265 berbanding belia yang lewat mengenali agama dan belajar solat.

Selain itu, berdasarkan lokasi tempat tinggal juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kecerdasan rohaniah belia dari segi bandar dan luar bandar. Dapatan kajian menjelaskan belia yang tinggal di kawasan luar bandar menunjukkan tahap kecerdasan rohaniah adalah lebih tinggi (4.260) berbanding belia yang tinggal di kawasan bandar (4.207). Jika dibandingkan di antara pelajar bandar dan pelajar luar bandar, Sarimah Mokhtar *et al.* (2011) mendapati pelajar bandar lebih mempunyai penghayatan akhlak berbanding pelajar luar bandar. Namun, dapatan kajian ini mendapati sebaliknya bahawa tidak semestinya kecerdasan rohaniah pelajar di bandar sahaja yang baik. Ini adalah kerana remaja bandar juga banyak didapati terlibat dengan masalah sosial dan kerosakan akhlak jika dibandingkan dengan remaja di luar bandar (Noon *et.al*, 2003).

Ciri-ciri demografi berdasarkan penjaga dan pekerjaan penjaga responden juga menunjukkan terdapatnya perbezaan. Ciri-ciri demografi penjaga responden menunjukkan responden yang tinggal dengan ibu bapa sendiri lebih tinggi tahap kecerdasan rohaniah berbanding responden yang tinggal dengan ibu atau bapa sahaja, adik beradik, datuk atau nenek dan lain-lain. Bagi ciri pekerjaan penjaga responden, pekerjaan penjaga “lain-lain” menunjukkan responden mempunyai tahap kecerdasan rohaniah tertinggi berbanding pekerjaan penjaga responden yang lain.

Kesimpulan daripada analisis deskriptif menunjukkan tahap kecerdasan rohaniah seseorang belia adalah berbeza berdasarkan ciri-ciri demografi. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan sesuatu rancangan untuk meningkatkan kecerdasan rohaniah belia dengan mengambil kira ciri-ciri demografi yang mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan tahap kecerdasan rohaniah belia.

Jadual 2: Perbezaan Kecerdasan Rohaniah Berdasarkan Ciri Demografi

Bil	Item	Sub-Item	Min	Sisihan Piawai
1	Jantina	Lelaki	4.199	0.408
		Perempuan	4.270	0.381
2	Jenis sek rendah	Sek keb	4.229	0.397
		SJK	4.301	0.382
		Sek Agama	4.291	0.408
3	Kategori sekolah rendah	Asrama	4.250	0.407
		Harian	4.233	0.396
4	Jenis sek menengah	Sek Men Keb	4.215	0.395
		SMJK	4.377	0.315
		SM Agama	4.404	0.388
5	Kategori sekolah menengah	Asrama	4.340	0.373
		Harian	4.217	0.398
6	Umur kenal agama	0 -6 tahun	4.281	0.372
		7 - 9 tahun	4.173	0.418
		10-14 tahun	4.156	0.463
		15-18 tahun	4.000	0.272
7	Umur belajar solat	0 -6 tahun	4.265	0.381
		7 - 9 tahun	4.239	0.389
		10-14 tahun	4.141	0.457
		15-18 tahun	4.015	0.407
8	Lokasi tempat tinggal	Bandar	4.207	0.401
		Luar Bandar	4.260	0.391
9	Penjaga	Ibu bapa sendiri	4.239	0.400
		Ibu atau bapa	4.193	0.370
		Adik beradik	4.187	0.297
		Datuk atau nenek	4.205	0.427
		Lain-lain	4.210	0.386
10	Pekerjaan penjaga	Kerajaan	4.218	0.434
		Petani atau nelayan	4.224	0.400
		Swasta	4.252	0.374
		Tidak bekerja	4.231	0.414
		Berniaga	4.234	0.382
		Lain-lain	4.261	0.346

Rumusan

Hasil penemuan kajian ini telah menunjukkan tahap kecerdasan rohaniah seseorang belia adalah berbeza berdasarkan ciri-ciri demografi tertentu iaitu jantina, jenis sekolah menengah, kategori sekolah menengah, umur mula mengenali agama, umur mula belajar solat, dan juga lokasi tempat tinggal belia.

Dapatan kajian membuktikan perempuan mempunyai tahap kecerdasan rohaniah yang lebih tinggi berbanding lelaki. Seterusnya, belia yang bersekolah di sekolah menengah agama juga mempunyai tahap kecerdasan rohaniah yang lebih tinggi berbanding belia yang bersekolah di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan. Kecerdasan rohaniah dalam kalangan belia juga memperlihatkan perbezaan di mana mereka yang tinggal di asrama mempunyai tahap kecerdasan rohaniah yang lebih tinggi berbanding mereka yang bersekolah secara harian. Kecerdasan rohaniah di kalangan belia juga dapat dilihat ada perbezaan antara mereka yang tinggal di asrama lebih tinggi tahap kecerdasan rohaniah berbanding mereka yang bersekolah secara harian.

Hasil kajian ini juga telah membuktikan bahawa umur mula mengenali agama dan umur mula belajar solat di awal usia kanak-kanak iaitu berumur 0 hingga 6 tahun menunjukkan tahap kecerdasan rohaniah mereka adalah lebih tinggi berbanding belia yang lewat mengenali agama dan mula belajar solat. Semakin awal belia mengenali agama Islam dan belajar solat, semakin tinggi tahap kecerdasan rohaniah belia. Ini jelas menunjukkan bahawa ibu bapa telah memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak mereka mengenal Islam dan mengajar belia solat sejak mereka masih kecil lagi.

Sebaliknya bagi belia lewat mengenali agama dan belajar solat, ibu bapa dan keluarga perlu mempunyai kesedaran untuk berusaha keras bagi untuk mendidik belia tersebut yang lewat mengenali Islam dan belajar solat dengan memberi pendidikan agama yang lebih banyak kepada belia. Al-Zuhaili, (2008) menegaskan bahawa suami wajib mengajar ilmu agama kepada isteri dan anak-anak mereka. Sekiranya suami tidak mampu mengajar sendiri ilmu agama kepada ahli keluarga maka suami hendaklah memberi keizinan kepada isteri dan anak-anak untuk keluar menuntut ilmu (Sayyid Sabiq, 1995). Sebagai contoh menghantar anak-anak mengikuti pelbagai aktiviti kerohanian untuk memantapkan ilmu Islam yang amat diperlukan dalam situasi masyarakat moden yang semakin mencabar ('Adawiyah, 2011; Syeikh Khalid, 2014).

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan belia yang berada di luar bandar mempunyai tahap kecerdasan rohaniah yang lebih tinggi berbanding belia yang tinggal di kawasan bandar. Oleh yang demikian, bagi belia yang tinggal di bandar lebih memerlukan aktiviti kerohanian yang lebih banyak lagi bagi membolehkan mereka meningkatkan kecerdasan rohaniah mereka. Sementara itu, bagi ini jelas menunjukkan bahawa belia luar bandar memerlukan sokongan daripada pihak yang bertanggungjawab sangat diperlukan bagi meneruskan dan menguruskan program-program kerohanian dengan lebih cekap. Namun begitu, bagi belia yang tinggal di bandar lebih memerlukan aktiviti kerohanian yang lebih banyak lagi bagi membolehkan mereka meningkatkan kecerdasan rohaniah mereka.

Menurut Muhammad Salehan, Rohana Hamzah, Ahmad Muhaimin & Christina Andin dalam kajian mereka telah mencadangkan usaha untuk meningkatkan kecerdasan rohaniah pelajar, pihak universiti boleh melaksanakan pelbagai program berbentuk kerohanian dan kebajikan seperti mengadakan majlis ilmu agama, program penghayatan ibadah solat, halaqah al-Quran, program pengimaran masjid, usrah, program tadabbur al-Quran, pengajian Sunnah dan sirah serta penerbitan tulisan yang berkaitan dengan pengukuhan akidah bagi pelajar Islam, dan menggalakkan penglibatan pelajar bukan Islam dalam program amal kebajikan dan kerja-kerja sosial. Modul Kecerdasan Spiritual yang dibangunkan oleh Rani et al. (2017) juga boleh

digunapakai sebagai panduan kepada semua pelajar untuk meningkatkan tahap kecerdasan spiritual.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan sesuatu rancangan untuk meningkatkan kecerdasan rohaniyah belia dengan mengambil kira ciri-ciri demografi yang mempunyai perbezaan yang signifikan berdasarkan tahap kecerdasan rohaniyah belia.

Penghargaan

Penyelidikan ini adalah sebahagian daripada hasil kajian PhD dan Geran Penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Niche (NRGS) (Kod S/O: 12957) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Rujukan

- 'Adawiyah, I. (2011). Pembentukan Keluarga Berkualiti dalam Kalangan Wanita Berkerjaya Menurut Islam: Kajian Kes di Putrajaya. Universiti Sains Malaysia.
- Al-Zuhaili, W. (2008). Al-Fiqhu al-Islami wa Adillatuhu. Dar al-Fikr, Damsyik
- Anuar Puteh. (2001). Perkembangan Dan Pembentukan Remaja Menurut Perspektif Islam. Jurnal Kajian Malaysia, Jld XIX, No 2, Disember 2001.
- Ariffin, A. N. H. M., & Rahman, M. A. A. (2009). Kesan persekitaran utm terhadap pembangunan rohani pelajar pendidikan teknik dan kejuruteraan (ptk). Universiti Teknologi Malaysia.
- Berita Harian Online. (2016). 14 zon paling kronik dadah di seluruh negara | BHplus Diakses pada Julai, 2017, daripada <https://www.bharian.com.my/node/173383>.
- Buchanan, M. T. (2009). The Spiritual Dimension and Curriculum Change. International Journal of Children's Spirituality, 14(4), 385–394.
- Campbell, K. P. (2010). Transformative Learning and Spirituality: A Heuristic Inquiry into the Experience of Spiritual Learning. Capella University. Diakses daripada pada <https://eric.ed.gov/?id=ED515070>.
- Danah Zohar, & Marshall, I. (2000). SQ - Spiritual Intelligence, the Ultimate Intelligence. Bloomsbury, London: Bloomsbury, London. Diakses daripada [https://www.alisonmorgan.co.uk/Books/Zohar 2000.pdf](https://www.alisonmorgan.co.uk/Books/Zohar%202000.pdf).
- Daniliuk, A. I., Kondakov, A. M., & Tishkov, V. A. (2010). The Spiritual and Moral Education of Russia's School Students. Russian Education & Society, 52(2), 3–18.
- Daradjat, Z. (1998). Peranan Agama dalam Kesehatan Mental, Jakarta: CV. Haji Masagung.
- Emmons, R. A. (2000). Is Spirituality an Intelligence? Motivation, Cognition, and the Psychology of Ultimate Concern. International Journal for the Psychology of Religion, 10(1), 3–26.
- Fariza Md Sham. (2015). Kemahiran Psikologi Dakwah Kepada Golongan Remaja. Jurnal Al-Hikmah. Jilid 7. Hal. 95-101. 8.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. Journal of Social Sciences and Humanities: 84-93.
- Harian Metro Online. (2023). Selaras had umur pesalah muda. Diakses pada 20 September 2024 daripada <https://www.hmetro.com.my/rencana/2023/10/1017933/selaras-had-umur-pesalah-muda>.

- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, IYRES (2024). Facts & Figures Indeks Belia Malaysia. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, IYRES (2023). Statistik Penglibatan dan Tangkapan Juvana dalam Jenayah Indeks Malaysia bagi Tahun 2016-Disember 2022. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 78.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Siaran Akhbar Statistik Kanak-Kanak Malaysia, 2016. Diakses pada Mac 2, 2018, daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=UCtXbzBXUDU1N1BFSW9qUmUxS3dNUT09>
- Kosmo Online. (2016). Tiga pelajar Tingkatan 3 MRSM Parit ditahan buli dua junior Diakses pada May, 2018, daripada <http://www.kosmo.com.my/negara/tiga-pelajar-tingkatan-3-mrsm-parit-ditahan-buli-dua-junior-1.738632>
- Lerner, J.S., & Keltner, D. (2001). Fear, Anger, and Risk. *Journal Of Personality and Social Psychology*, 81, 146–159.
- Muhammad Salehan Alhafiz, M.W, Rohana H., Ahmad Muhaimin, M., dan Christina, Andin. Pengaruh Faktor Kesehatan Mental, Kecerdasan Spiritual Keatas Kebahagiaan Hidup Dan Prestasi Akademik Pelajar. *International Journal of Humanities Technology And Civilization (IJHTC)*. Vol. 7, Issue 1, 10 – 21.
- Nik Safiah, N. A., Selamah, M., & Norazlina, A. W. (2017). Penyertaan Belia dalam Program Pembangunan Kerohanian di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 214–223.
- Noon, H. M., Haneef, M. A. M., Yusof, S. A., & Amin, R. M. (2003). Religiosity and social problems in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 11(1), 77-87.
- Norhayanti Octavia Ahmad & Amirmudin Udin (2011). Kreativiti Bakal Guru di Peringkat Pengajian Tinggi. Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011. 27-28 September 2011, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
- Nurwahidah Ab Gani & Nooraini Othman & Siti Norayu Mohd. (2013). Perbezaan Personaliti Psiko-Spiritual Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Semenanjung Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 2, 1-7.
- Nurwahidah Ab Ghani, Nooraini Othman & Siti Norayu Mohd Basir. (2013). Perbezaan personaliti psiko-spiritual dalam kalangan pelajar sekolah menengah di semenanjung Malaysia. *Journal of Human Development and Communication* 2: 105-110.
- Rani, A. A., Hashim, H. Ali, F., Abidin, I. & Ahmad, A. (2017). Inculcating spiritual intelligence to enhance students' psychological wellbeing. 8th ICEEPSY The International Conference on Education and Educational Psychology.
- Revell, L. (2008). Spiritual Development in Public and Religious Schools: A Case Study. *Religious Education*, 103(1), 102–118.
- Said @ Saidi, M., Mustafa, C. O., & Fatmawati, M. @ I. (2015). Pengaruh Ibu Bapa Terhadap Penghayatan Amalan Kerohanian Dalam Kalangan Remaja Muslim. 7th International Seminar on Regional Education, 1, 423–434.
- Sarawakvoice Online. (2016). Liwat kanak-kanak lelaki 4 tahun di Kuching: Lelaki dipenjara 17 tahun Diakses pada July 2, 2017, daripada <https://sarawakvoice.com/2016/12/16/liwat-kanak-kanak-4-tahun-di-kuching-lelaki-dipenjara-17-tahun/>
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jalani, Ab. Halim Tamuri, & Kamarulzaman Abdul GHani. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. Article in *Global Journal Al-Thaqafah*, (1), 71–77.

- Sayyid Sabiq (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Syarikat Manar al-Daulah al-Fathu li 'Ilami al-'Arabi, Kaherah, Mesir.
- Shabani, K., Khatib, M., & Ebadi, S. (2010). Vygotsky's Zone of Proximal Development: Instructional Implications and Teachers' Professional Development. *Canadian Center of Science and Education*, 3(4).
- Statistical Clearing House (2000). "Basic Survey Design: Data Collection Methods". Australia :Commonwealth Government Statistical Clearing House
- Syeikh Khalid, A. R. (2014). *Kitab Fiqh Mendidik Anak Berdasarkan al-Quran dan Sunnah*. al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.
- Tutasting @ Rawi Nordin, Hasan Bahrom, & Abdul Hadi Mohd Salleh (2002). *Pendidikan Islam Secara Informal: Kajian Terhadap Penglibatan Belia dalam Aktiviti Keagamaan di Negeri Melaka*. Universiti Teknologi MARA, Alor Gajah, Melaka.
- Utusan Malaysia Online (2014). 13,359 Pelajar Terlibat Salah Laku Disiplin Berat. Diakses pada Mac 2, 2018, daripada <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/13-359-pelajar-terlibat-salah-laku-disiplin-berat-1.21677>.
- Utusan Online (2014). Peningkatan kes juvana: Di manakah nilai seorang remaja? (2014). Diakses pada July 2, 2016, daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140411/re_07/Peningkatan-kes-juvana-Di-manakah-nilai-seorang-remaja
- Utusan Online, (2018). 2,317 belia P.Pinang terlibat jenayah. Diakses pada April 2, 2019, daripada <https://www.utusan.com.my/berita/jenayah/2-317-belia-p-pinang-terlibat-jenayah-1.787066>